

# PTPTN catat prestasi cemerlang tahun 2023

Jumlah terimaan deposit bernalil RM17.39 bilion direkod sehingga 31 Disember lalu

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
yusri.muzamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mencatatkan prestasi membanggakan menerusi lonjakan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN), sejak 1997.

Sehubungan itu, katanya, seramai 3.95 juta pelajar, membabitkan dana pinjaman yang telah dikeluaran bernalil RM71.32 bilion sudah dibantu PTPTN, sehingga 31 Disember lalu, manakala bayaran balik di terima berjumlah RM2.91 bilion, pada 2023.

Pencapaian itu, membuktikan usaha PTPTN mentransformasi minda masyarakat supaya membandayakan amalan menabung melalui Simpan SSPN, terus direkodkan sehingga 31 Disember lalu.

Pengerusinya, Datuk Norliza Abdul Rahim, berkata ia berikut jumlah terimaan deposit Simpan SSPN bernalil RM17.39 bilion dengan 6.25 juta akaun direkodkan sehingga 31 Disember lalu.

Pencapaian itu, membuktikan

men dan dedikasi seluruh warga PTPTN yang diketuai oleh Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid. Saya bersyukur kerana usaha

mengubah pemikiran masyarakat Malaysia daripada meminjam kepada menabung, sekali gus mengelak kebergantungan kepada pinjaman semakin diterima baik.

daripada meminjam kepada menabung, sekali gus mengelak kebergantungan kepada pinjaman semakin diterima baik.

"Catatan kejayaan ini dapat diterjemah melalui prestasi Simpan SSPN yang semakin diterima baik setiap lapisan masyarakat," katanya dalam nota sama, baru-baru ini.

Norliza berkata, pububuhan PTPTN adalah selaras dasar pendemokrasiyan pendidikan, iaitu semua pihak diberikan peluang sama rata untuk mendapat pinjaman bagi pendidikan tinggi, selain memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada modal insan negara, sejak 1997.

Sehubungan itu, katanya, seramai 3.95 juta pelajar, membabitkan dana pinjaman yang telah dikeluaran bernalil RM71.32 bilion sudah dibantu PTPTN, sehingga 31 Disember lalu, manakala bayaran balik di terima berjumlah RM2.91 bilion, pada 2023.

"Jumlah terimaan ini mencatatkan peningkatan RM144.37 juta atau 5.21 peratus, berbanding 2022. Prestasi ini juga disokong pelbagai strategi berkesan dan insentif diskau bayaran balik pinjaman oleh kerajaan.

"Usia 27 tahun ini adalah tempoh yang cukup untuk membangunkan PTPTN, bermula dengan satu tujuan iaitu memastikan dialej pelajar tercincir untuk meneruskan pendidikan di institusi pendidikan tinggi ekoran kerana usaha mengubah pemikiran masyarakat Malaysia

Pencapaian ini adalah komitmen dan dedikasi seluruh warga PTPTN yang diketuai oleh Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid. Saya bersyukur kerana usaha mengubah pemikiran masyarakat Malaysia daripada meminjam kepada menabung, sekali gus mengelak kebergantungan kepada pinjaman semakin diterima baik.

Datuk Norliza Abdul Rahim,  
Pengerusi PTPTN



"Kita juga meneruskan usaha meningkatkan budaya membayar balik pinjaman bagi menjamin pembayaran PTPTN untuk generasi akan datang," katanya.

Mengenai transformasi pendidikan, Norliza berkata, PTPTN sentiasa komited menambah baik aplikasi myPTPTN untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan.

Katanya, lebih 1.1 juta pelajar yang sudah mendaftar sebagai pengguna myPTPTN sehingga 31 Disember lalu.

"Tahun 2023 memperlihatkan usaha menyeluruh PTPTN dalam penyampaian perkhidmatan secara digital kepada pelanggan, bersifat hujung ke hujung."

"Aplikasi myPTPTN ini akan membuka ruang dan peluang kepada masyarakat untuk mendapatkan perkhidmatan PTPTN pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja tanpa sempadan dengan lebuh mudah, cepat dan selamat," katanya.

Sementara itu, Norliza berkata, pihaknya komited menambah baik aplikasi myPTPTN, seiring transformasi dunia pendidikan dengan semua perkhidmatan PTPTN sudah berpindah ke aplikasi terbabit, sekali gus memudahkan pelangan menikmati pelbagai perkhidmatan dalam satu plafon.

Beliau berkata, PTPTN juga akan menumpukan kepada usaha pemantapan myPTPTN ke fasilitasnya bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan dan transformasi digital, tahun ini.

Beliau berkata, PTPTN juga

menyampaikan perkhidmatan secara digital kepada pelanggan, bersifat hujung ke hujung."

Raih pelbagai anugerah! Berkongsi pengiktirafan diterima PTPTN, Norliza berkata, antaranya ialah Anugerah Khas PayNet bagi Kategori 100 peratus Kadar Penggunaan Pembayaran Digital melalui Kempen Cashless Boleh oleh PayNet dengan kerjasama Kementerian Kewangan Malaysia.

Selain itu, Anugerah Institusi Simpanan Terbaik Generasi Baharu Pilihan PA&MA, "Most Effective Use of Integrated Payment (ASTRO) dan "Most Creative Govt Sector / Non-Profit Marketing" (ASTRO).

"Kecemerlangan dan sumbangan PTPTN dalam memartabatkan pendidikan tinggi dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada para pelanggan terus dikritik.

"PTPTN menerima anugerah dan pengiktirafan daripada badan industri berwibawa dan membuktikan usaha agensi ini sudah mencapai standard kecermerlangan ditetapkan, tahun lalu," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, PTPTN proaktif mengadakan kerjasama dengan sektor awam dan swasta dalam menjadikan Simpan SSPN sebagai pilihan utama pemberian pelbagai insentif oleh agensi berkenaan, sepanjang tahun lalu.

Antaranya kerjasama strategik bersama kerajaan Sabah melalui Program BAKTI, Program BUDI dan Program BISTARI serta kerjasama strategik dengan Yayasan Veteran ATM (YVATM) melalui Program Insentif Simpanan Anak Veteran ATM dan Program Dermasiswa.

Selain itu, sebanyak 18 kementerian dan empat (4) agensi awam peringkat Persekutuan dan negeri memberikan insentif Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dalam bentuk akaun Simpan SSPN.

"Pelbagai kerjasama juga dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan prestasi kuitan bayaran balik.

"Antaranya melalui memorandum persefahaman dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan bagi Skim Bantuan Penyelesaian Pembayaran Pendidikan serta kerjasama dengan kerajaan Sarawak melalui Yaysan Sarawak dalam usaha membantu pelajar negeri berkenaan meringankan beban hutang pinjaman PTPTN.

"Selain itu, kerjasama strategik dengan Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang bagi Insentif Bayaran Balik Anak Asnaf penerima Bantuan Bulanan MUIP," katanya.

Mengulas hal tuju PTPTN, Norliza berkata, agensi itu meletakkan sasaran bayaran balik bernalil RM3.1 bilion, manakala deposit simpanan yang akan di terima berjumlah RM3.2 bilion, tahun ini.

Penetapan itu, katanya, penting bagi memastikan PTPTN terus komited membantu generasi akan datang supaya memiliki sumber kewangan bagi melanjutkan pengajian dan menjadi modal insan berjasa kepada negara.

Beliau berkata, pelbagai strategi dirangka secara menyeluruh, merangkumi semua aspek supaya sasaran itu dapat dicapai, sepanjang tahun ini.

"PTPTN turut mengorak langkah dengan melaksanakan wakaf pendidikan tinggi sebagai antara inisiatif untuk mempelbagaikan sumber dana PTPTN bagi tujuan pembentahan pendidikan tinggi, tahun ini."

"Kita juga melakar sejarah baru dengan memeterai memorandum perjanjian bersama Yaysan Waqaf Malaysia bagi memastikan pengurusan dan pengagihan Wakaf Tunai PTPTN secara berkesan dan efektif, pada 22 Februari lalu.

"Justeru, PTPTN merakam penghargaan kepada semua rakan strategik, pendeposit, peminjam PTPTN dan media kerana sentiasa menyokong usaha dilaksanakan PTPTN.

"Kecemerlangan ini diharap dapat diteruskan demi memastikan lebih ramai berpeluang menempa kejayaan, selari moto PTPTN 'Peluang Kejayaan Adaa'," katanya.

